



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN TENDER

BAGI

**CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN
SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU
MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA
(2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON
KINRARA**

NO. TENDER	MBSJ.KUB.400-5/8/231
TARIKH BUKA	13 OGOS 2025
TARIKH TUTUP	20 OGOS 2025
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

**CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING)
BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA
DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA**

NO. TENDER: MBSJ.KUB.400-5/8/231

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS1-SS4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL – LAMPIRAN 12	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP1 - AKP11
F	BORANG TENDER	BT1
G	<i>PREAMBLES</i>	P1-P2
H	RINGKASAN TENDER	RT1
J	SENARAI KUANTITI	SK1
K	SYARAT-SYARAT PENYEWAAN	SSP1 - SSP6
L	PEMATUHAN TEKNIKAL	PT 1
M	KADAR DENDA	KD 1
N	PELAN / LOKASI / LUKISAN / GAMBAR / SPESIFIKASI	LG1
P	MAKLUMAT PETENDER	MP1 - MP12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

**SENARAI SEMAK DAN
PERAKUAN PETENDER**

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN/ DILAMPIRKAN DALAM DOKUMEN TAWARAN HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan perkhidmatan yang ditender semasa penilaian Tender.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang ditender. Justeru itu Tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Lembaga Tender di setuju terima sekiranya kami di dapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum tender ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Tender kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budi bicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender
10	Petender adalah dikehendaki melengkapkan dokumen pematuhan teknikal di dalam dokumen Tender. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____ ii) _____ _____ iii) _____ _____	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT :</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN :</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(Jika ada).</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	

**Sila potong mana tidak berkenaan*



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

**SURAT AKUAN PEMBIDA
(LAMPIRAN 6)**

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA

MBSJ.KUB.400-5/8/231

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**BORANG PENGISYTIHARAN
PEMUNYA BENEFISIAL
(LAMPIRAN 12)**

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA

NO. TENDER: MBSJ.KUB.400-5/8/231

Saya..... nombor kad pengenalan yang mewakili syarikat nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cap Syarikat :

Catatan:

* *Potong yang mana tidak berkenaan*



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM
MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN
BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)**

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

**CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING)
BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA
DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA**

NO. TENDER: MBSJ.KUB.400-5/8/231

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang
mewakili (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini

mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta manamana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

**ARAHAN KEPADA
PETENDER**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG TENDER

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG TENDER

TENDER BAGI : CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA

Kepada :

Datuk Bandar.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

(pihak yang menerima Tender)

Tuan,

Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan senarai kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk mengurus, memasang dan menyelenggara paparan iklan dan tapak iklan tersebut dengan kadar sewaan kepada Majlis sebanyak :

(Ringgit Malaysia;.....) RM) bagi tempoh sewaan selama dua (2) tahun.

Saya / Kami bersetuju untuk menandatangani Surat Setuju Terima dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya tender ini diterima, bersetuju dengan apa-apa syarat tender yang ditetapkan secara bertulis dan bersetuju bahawa tempoh sah laku Tender ini akan dibuka selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh Tender ini ditutup.

Saya/ Kami bersetuju Tender ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Saya/ Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk sama ada:

- a) Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/ Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/ Takaful

Saya/Kami bersetuju Tender ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0** dalam **Arahan Kepada Petender**.

Bertarikh Haribulan 2025.

.....
(Tandatangan Petender)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
No. Telefon :
Atas Sifat :

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
No. Telefon :

.....
Meteri atau Cap Petender



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

PREAMBLES

CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA

MBSJ.KUB.400-5/8/231

BIL	HURAIAN
	<p>BAYARAN FI UNTUK PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN</p> <p>A Petender akan menanggung Fi Bagi Penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada Arahan Kepada Petender (AKP).</p> <p>BAYARAN DEPOSIT</p> <p>B Petender yang berjaya diwajibkan menjelaskan bayaran pengurusan iklan sementara <i>panel – bunting</i> di tiang lampu milik Majlis iaitu bayaran satu (1) bulan sebagai bayaran deposit/cagaran penurunan struktur (panel - bunting) setelah menyetujui terima tawaran dan sebelum memulakan operasi pengiklanan.</p> <p>TEMPOH PENGGUNAAN TIANG LAMPU MAJLIS</p> <p>C Tempoh sewaan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis adalah selama dua (2) tahun.</p> <p>D Petender hendaklah menyediakan Perlindungan **Takaful / Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender)</p> <p>** Walaubagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insuran</p> <p>E Petender hendaklah menyediakan Menyediakan Bon Perlaksanaan (Performance Bond) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00. (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender)</p>

BIL	HURAIAN
A	<p>AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 (Akta SST 2018)</p> <ol style="list-style-type: none">1. Semua tawaran harga secara Tender yang dikemukakan oleh Petender hendaklah TANPA KIRAAN SST.2. Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran SST kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj SST kepada pihak Majlis.3. Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaaan SST.4. Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta SST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta SST. Pelarasan harga kenaaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P).5. Harga adalah dalam Ringgit Malaysia termasuk Cukai dan Duti Kerajaan. Kadar harga tersebut adalah tetap di sepanjang tempoh kontrak.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

RINGKASAN TENDER

RINGKASAN TENDER

CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA

MBSJ.KUB.400-5/8/231

BIL	RINGKASAN	JUMLAH (RM)
1.0	PENYEWAAN RUANG IKLAN
	JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG TENDER (RM)

RINGGIT MALAYSIA :

.....

TEMPOH PENYEWAAN (DITETAPKAN) : DUA (2) TAHUN

.....
(Tandatangan Petender)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama:

Nama:

No. KP:

No. KP:.....

Atas Sifat:

Alamat:

Cap & Alamat Syarikat:.....

.....

No. Telefon:

No. Telefon:

No. Fax:

.....

(Meterai atau Cap Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SENARAI KUANTITI

SENARAI KUANTITI

CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA

MBSJ.KUB.400-5/8/231

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	HARGA SEBULAN (RM) A	HARGA SETAHUN (RM) B = A X 12	JUMLAH HARGA DUA (2) TAHUN (RM) C = B X 2
	<u>PENYEWAAN RUANG IKLAN</u>					
A	Penyewaan ruang iklan sementara bagi Zon Subang Jaya dan Zon Kinrara daripada besi jenis <i>mild steel hollow station</i> dengan saiz panel bunting 2 kaki x 6 kaki menggunakan klip visual <i>Aluminium u-channel external</i> pada tiang lampu jalan milik MBSJ di pasang dengan ketinggian 2.1 meter daripada aras tanah mengikut arahan Pegawai Pentadbir dan wakil Pegawai Pentadbir serta lain – lain kerja berkaitan.	BIL	800
B	Petender adalah diwajibkan menjelaskan bayaran deposit seperti kadar yang telah ditetapkan di dalam <i>Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Subang Jaya 2007)</i> sepanjang tempoh kontrak berdasarkan jumlah bunting .	LS	-	-	-
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TENDER (RM)						



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

**SYARAT-SYARAT
PENYEWAAN**

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN

Petender dikehendaki mematuhi syarat-syarat di bawah dan juga mengemukakan butir-butir yang dikehendaki dalam syarat-syarat yang dinyatakan.

1. UMUM

- 1.1. Tawaran tender ini adalah untuk penyewaan ruang iklan sementara *panel – bunting* di tiang lampu bagi tujuan pengurusan iklan berlesen di MBSJ SAHAJA. Sebarang aktiviti lain adalah dilarang sama sekali.
- 1.2. Petender yang berjaya hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang sedia ada khususnya di bawah Akta, Undang-Undang Kecil, Perintah, Kaedah, Peraturan Garis Panduan dan Arahan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).
- 1.3. Undang-Undang Kecil Iklan (MPSJ) 2007, Syarat-Syarat Permit Sementara Iklan dan peraturan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) setiap kali pertukaran visual.
- 1.4. Petender yang berjaya adalah pada bila-bila masa tertakluk kepada prosedur / syarat-syarat / arahan / keperluan teknikal daripada jabatan-jabatan teknikal, Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- 1.5. Secara umumnya kerja-kerja pengurusan iklan berlesen adalah merangkumi kerja-kerja berikut:
 - i. Menawarkan ruang iklan bersaiz 2' x 6' menggunakan *panel – bunting* yang seragam dan kemas di tiang lampu jalan Majlis kepada pihak yang berminat untuk mengiklan.
 - ii. Namun begitu, hanya tiang yang ditawarkan menjadi keutamaan untuk bayaran tetap pada Majlis manakala bayaran bagi tiang lain adalah bergantung kepada pemohonan semasa.
 - iii. Pemohonan kelulusan visual iklan dari Jabatan Pelesenan MBSJ.
 - iv. Penyewaan tiang lampu milik Majlis oleh pihak petender yang berjaya berdasarkan nilai komersial lokasi tiang tersebut.
 - v. Pihak petender yang berjaya menguruskan pemasangan visual iklan yang mematuhi syarat lesen dan penurunan visual iklan yang telah tamat tempoh.
 - vi. Pihak petender yang berjaya menguruskan tindakan pembersihan dan penurunan iklan yang tamat tempoh atau yang tidak mempunyai kelulusan di seluruh kawasan MBSJ.
 - vii. Pemasangan *panel – bunting* boleh dilakukan di mana-mana tiang kecuali **Jalan Protokol**.
 - viii. Memastikan keadaan di kawasan penyewaan itu bersih daripada sebarang iklan tanpa kelulusan.
 - ix. Petender yang berjaya perlu menyediakan jadual operasi penurunan iklan tanpa kelulusan bagi memudahkan tindakan bersama pihak MBSJ.
 - x. Mengambil tindakan segera untuk menanggalkan iklan-iklan tanpa kelulusan sekiranya menerima aduan sama ada daripada pihak Majlis sendiri atau orang awam.
 - xi. Petender yang berjaya perlu memastikan lokasi persekitaran tiang lampu tersebut sentiasa dalam keadaan bersih, sempurna, selamat dan selesa digunakan dan tidak mengganggu penglihatan pengguna sepanjang tempoh penyewaan serta menyelesaikan sebarang aduan berbangkit berkaitan struktur iklan *panel – bunting* tersebut.

- 1.6. Petender yang berjaya perlu menyediakan sendiri pekerja-pekerja pengkeranian, penyelia tapak, pekerja am pemasangan dan penurunan iklan bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, terancang dalam melaksanakan perkhidmatan ini dan menyediakan peralatan seperti berikut :
- i. Pejabat urusan bagi memudahkan urusan permohonan iklan bunting.
 - ii. Kenderaan seperti lori bagi tujuan penurunan iklan tanpa kelulusan dan pemasangan iklan.
 - iii. Panel bunting untuk paparan iklan.
 - iv. Promosi.
 - v. Penyelenggaraan panel bunting.
 - vi. Kos pembersihan tiang lampu.
 - vii. Kos membaik pulih panel bunting.
 - viii. Lain-lain peralatan difikirkan perlu.

2. LOKASI

- 2.1. Saiz panel bunting adalah berukuran 2 kaki x 6 kaki dan pada tiang lampu jalan milik MBSJ di pasang dengan ketinggian 2.1 meter daripada aras tanah.
- 2.2. Petender yang berjaya adalah dinasihatkan supaya memeriksa dan membuat lawatan sendiri untuk memastikan keadaan sebenar di tapak berkenaan.
- 2.3. Petender yang berjaya hendaklah membenarkan pihak Majlis atau wakilnya pada masa-masa yang munasabah untuk memantau dan memeriksa iklan bunting / panel bunting di tiang lampu tersebut.

3. PEKERJA

- 3.1 Pekerja mestilah warganegara Malaysia. Jika pekerja adalah warga asing, pekerja tersebut perlu memiliki permit kerja yang sah mengikut sektor atas nama syarikat petender yang berjaya.
- 3.2 Petender yang berjaya dikehendaki mengemukakan senarai nama pekerja yang berkaitan dengan pelaksanaan kontrak, nombor kad pengenalan, alamat pekerja dan sekeping gambar (berukuran passport) kepada MBSJ. Pas kontraktor akan diberikan sebagai langkah keselamatan semasa menjalankan operasi penurunan bunting tanpa kebenaran. Sekiranya berlaku pertukaran pekerja langkah yang sama juga perlu diambil dan dimaklumkan kepada pihak Jabatan Pelesenan.(Pekerja daripada penduduk tempatan adalah diutamakan).
- 3.3 Jumlah pekerja hendaklah sesuai dengan bebanan kerja yang akan dijalankan. Jumlah pekerja hendaklah termasuk seorang penyelia yang dilantik oleh petender yang berjaya bagi melicinkan perjalanan kerja.
- 3.4 Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam yang dibekalkan oleh petender yang berjaya.
- 3.5 Pihak syarikat bertanggungjawab memberitahu dengan jelas kepada pekerja-pekerjanya tentang tanggungjawab mereka semasa menjalankan tugas supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini baik kepada pekerja itu sendiri dan orang awam.
- 3.6 Pihak syarikat bertanggungjawab terhadap kemalangan yang berlaku kepada pekerja dan orang awam serta pegawai yang bertugas akibat kecuaiian sengaja atau tidak sengaja oleh pihak pekerja petender yang berjaya.

- 3.7 Mencuri, memusnah atau mengambil apa-apa harta benda MBSJ adalah satu kesalahan jenayah. Sekiranya pekerja-pekerja petender yang berjaya terlibat dengan kesalahan tersebut maka mereka akan dirujuk kepada pihak berkuasa.
- 3.8 Apa-apa kerja yang dinyatakan dalam perjanjian hendaklah dilaksanakan tanpa peringatan yang kerap daripada pihak Majlis.
- 3.9 Setiap surat peringatan daripada pengurusan pihak MBSJ yang tidak dilaksanakan atau tidak memuaskan akan melibatkan pemotongan cagaran selepas surat amaran dikeluarkan.
- 3.10 Segala akibat atau kesulitan yang timbul di antara petender yang berjaya dengan pihak ketiga seperti pihak berkuasa tempatan, pihak keselamatan, orang perseorangan dan sebagainya adalah tanggungjawab syarikat sendiri.
- 3.11 Masalah pekerja dari segi keselamatan, kesihatan dan kebajikan adalah tanggungjawab petender yang berjaya.
- 3.12 Petender yang berjaya perlu dikehendaki mengambil perlindungan Insurans Liabiliti Awam untuk perlindungan berjumlah tidak kurang **RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Sahaja)** setahun melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Tempoh perlindungan Insurans Tanggungan Awam hendaklah segera diperbaharui apabila tamat pada setiap tahun dengan mengemukakan satu salinan **polisi** Insurans yang baru kepada pihak Majlis.

4. KADAR HARGA DAN BAYARAN

- 4.1. Harga tender adalah harga tetap dan tidak boleh dipinda selepas tender ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku tender. Harga yang ditawarkan oleh petender yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh perjanjian. Pihak Majlis tidak akan mempertimbangkan sebarang rayuan untuk mengurangkan kadar sewa atau kadar tiang.
- 4.2. Petender yang berjaya dikehendaki menjelaskan bayaran pengurusan iklan sementara *panel – bunting* secara bulanan. Bayaran sewaan bulanan hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada 7 haribulan setiap bulan. Kegagalan pihak petender untuk berbuat demikian akan dikenakan denda seperti jadual dibawah.
- 4.3. Petender yang berjaya diwajibkan menjelaskan bayaran pengurusan iklan sementara *panel – bunting* di tiang lampu milik Majlis iaitu bayaran **satu (1) bulan**, bayaran deposit / cagaran penurunan struktur (panel - bunting) setelah menyetujui terima tawaran dan sebelum memulakan operasi pengiklanan.
- 4.4. Pihak Majlis berhak melaksanakan proses tuntutan bayaran pengurusan iklan sementara *panel – bunting* melalui prosedur perundangan sekiranya petender yang berjaya gagal menjelaskan bayaran lesen seperti yang ditetapkan.
- 4.5. Tawaran di atas adalah tertakluk kepada pembayaran semua tunggakan khususnya sewaan, cukai taksiran, kompaun atau saman yang ditanggung oleh pihak petender kepada Majlis. Sekiranya pihak petender mempunyai sebarang tunggakan yang tidak dijelaskan, pihak Majlis berhak untuk menarik balik tawaran di atas.
- 4.6. Pihak Majlis berhak menyemak atau meminda kadar bayaran pengurusan iklan sementara (panel – bunting) berdasarkan kepada kadar pasaran.

- 4.7. Petender yang berjaya hendaklah menyerahkan bayaran-bayaran seperti **Perkara 4.3** di atas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tawaran. Pihak Majlis berhak, selain dari apa-apa remedi lain yang diberi hak kepadanya di bawah syarat ini, merampas atau memotong sebahagian dan/atau keseluruhan wang cagaran tersebut seandainya didapati satu atau beberapa pelanggaran syarat-syarat dan terma-terma di bawah surat ini dan Perjanjian Penyewaan kelak dan/atau jika kontrak penyewaan ini ditamatkan sebelum/selepas tarikh penamatan.
- 4.8 Majlis akan mengenakan denda sebanyak **5%** daripada harga penyewaan itu pada setiap 7 hari bulan setiap bulan daripada harga penyewaan tersebut.

5. TEMPOH KONTRAK

- 5.1 Tempoh pemasangan paparan iklan jenis *panel – bunting* di tiang lampu ini adalah selama **dua (2) tahun** sahaja (tarikh masuk tapak dan mula operasi akan diberitahu kepada petender yang berjaya). Lanjutan tempoh kontrak pemasangan iklan adalah tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan pihak Majlis.

6. SUB-KONTRAK

- 6.1 Petender yang berjaya tidak dibenarkan sama sekali memberi atau menyerahkan sebahagian daripada kerja ini kepada mana-mana pihak lain atau tidak dibenarkan menyewakan tapak paparan iklan ini kepada pihak ketiga '*sub-let*'.

7. PEMETERI SETEM PERJANJIAN

- 7.1 Petender yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri perbelanjaan pemeteri setem perjanjian (*stamping agreement*) dan yang berkaitan dengannya.
- 7.2 Pihak Majlis akan menyediakan Dokumen Perjanjian untuk ditandatangani oleh petender yang berjaya di mana petender yang berjaya dikehendaki untuk membayar segala kos bagi menyediakan Dokumen Perjanjian seperti mana yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender. Sekiranya petender yang berjaya gagal untuk menandatangani perjanjian di dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Majlis berhak untuk membatalkan kontrak perjanjian ini.

8. PENAMATAN KONTRAK

- 8.1 Pihak Majlis boleh memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Syarikat untuk menamatkan kontrak ini jika petender yang berjaya :-
- Melaksanakan perkhidmatan yang tidak memuaskan, gagal menguruskan dan menjalankan operasi; atau
 - Melakukan pelanggaran terhadap mana-mana terma dan syarat yang terdapat dalam kontrak ini atau sebab-sebab lain yang munasabah; atau
 - Memasang / menambah sebarang struktur kekal di tiang lampu tersebut; atau
 - Sekiranya terdapat aduan, bantahan atau permasalahan daripada penduduk setempat berkaitan dengan pengoperasian paparan iklan di (panel - bunting) tersebut, pihak Majlis boleh menamatkan kontrak perjanjian dengan serta merta; atau
 - Jika tapak iklan sewaan petender yang berjaya terlibat dengan pembangunan infrastruktur atau pembangunan semula infrastruktur awam; atau
 - Sekiranya Majlis merasakan penamatan tersebut adalah disebabkan oleh polisi Majlis; atau
 - Pihak petender yang berjaya gagal untuk menyediakan dan melaksanakan bayaran lesen; atau; atau

- h. Jika syarikat petender yang berjaya itu sebagai seorang perseorangan atau apabila syarikat petender yang berjaya itu adalah suatu firma mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang atau membuat sesuatu pindah hak atau penyerah hak bagi faedah pemiutang-pemiutang itu atau jika ia adalah suatu syarikat petender yang berjaya, meluluskan suatu ketetapan atau mahkamah membuat satu perintah bahawa syarikat petender yang berjaya itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerimaan atau pengurus bagi pihak seseorang pemiutang itu dilantik, atau timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang pemiutang melantik seorang penerima atau pengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan; atau
- i. Jika pihak Majlis mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa syarikat petender yang berjaya atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya sama ada dengan atau di luar pengetahuan syarikat petender yang Berjaya melakukan perbuatan yang akan terjumlah kepada suatu kesalahan menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana kontrak lain daripada Kerajaan.

8.2 Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan penyewaan ini di bawah perkara 9.1. tidak akan menyentuh hak-hak lain pihak Majlis untuk mendapatkan ganti rugi atau pampasan yang terakru di bawah Tender ini.

9. GANTIRUGI

- 9.1 Petender yang berjaya hendaklah sentiasa menggantirugi dan melepaskan Majlis terhadap sebarang tuntutan atau perbicaraan bagi sebarang kos kerosakan kemudahan awam dan lain-lain gantirugi atau tuntutan kemalangan pihak ketiga yang berpunca daripada pemasangan struktur *panel - bunting* tersebut.
- 9.2 Apabila tamat tempoh kontrak perjanjian atau berlaku penamatan kontrak perjanjian, petender yang berjaya dikehendaki menyerahkan tiang lampu tersebut di dalam keadaan baik dan sempurna serta menggantikan semula mana-mana kerosakan dan menjelaskan segala bayaran terakhir dengan mengepilkan resit pembayaran yang berkaitan.

10. DEPOSIT

- 10.1 Petender yang berjaya perlu mengemukakan tuntutan deposit/cagaran yang berkaitan bersama dokumen yang ditetapkan selepas selesai kerja/urusan. Sekiranya pendeposit gagal menuntut wang deposit/cagaran tersebut dalam masa 12 bulan, maka akan menyebabkan wang deposit mereka dilucut hak kepada pihak Majlis.
- 10.2 Pihak Majlis berhak untuk menggunakan wang cagaran sewa untuk menjelaskan tunggakan sewa serta kos-kos lain yang berkaitan dengan keingkaran pematuhan syarat penyewaan.
- 10.3 Jika berlaku sebarang kerosakan pada struktur tiang sediaada milik majlis, pihak majlis berhak menggunakan pemotongan daripada wang cagaran dan jika kos tersebut melebihi daripada wang cagaran yang diberikan pihak majlis akan menuntut lebihan kos daripada syarikat.

- 10.4 Deposit bayaran penurunan iklan sementara berlesen (panel – bunting) hanya dikembalikan setelah tiada tunggakan bayaran lesen dan tiang lampu tersebut hendaklah berada dalam keadaan baik dan memuaskan.
- 10.5 Pihak Petender dikehendaki untuk menurunkan struktur iklan (panel – bunting) setelah tempoh kontrak perjanjian tamat dan setelah diarahkan oleh pihak Majlis. Sekiranya pendeposit gagal mengikut arahan pihak Majlis maka wang deposit mereka dilucut hak.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

PEMATUHAN TEKNIKAL

**CADANGAN TAWARAN PENYEWAAN RUANG IKLAN SEMENTARA (PANEL BUNTING) BERLESEN DI TIANG LAMPU MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) SELAMA DUA (2) TAHUN (2025 – 2027) DI ZON SUBANG JAYA DAN ZON KINRARA
MBSJ.KUB.400-5/8/231**

PEMATUHAN TEKNIKAL

Petender **Wajib** memotong mana yang tidak berkenaan. Kegagalan Petender berbuat demikian akan mengakibatkan penilaian ke atas Tender ini akan terjejas dan tidak dipertimbangkan.

BIL	HURAIAN TEKNIKAL	CADANGAN JAWAPAN) SILA NYATAKAN (WAJIB)	PEMATUHAN SILA TANDAkan (YA/TIDAK) *sila potong yang tidak berkenaan
A	KUALITI STRUKTUR DAN KESELAMATAN		
1	Adakah struktur iklan kukuh, stabil, dan dibina dengan bahan yang kalis cuaca?	-----	Ya / Tidak
2	Adakah pemasangan iklan mematuhi piawaian keselamatan seperti ketinggian selamat, tiada bahaya kepada pengguna jalan raya, dan pemasangan profesional?	-----	Ya / Tidak
B	PRESTASI DAN PENGALAMAN		
3	Adakah petender mempunyai pengalaman dalam LIMA (5) tahun lepas dalam mengurus atau menyewakan ruang iklan seumpamanya? Jika ada sila sertakan salinan Surat Setuju Terima sebagai bukti.	-----	Ya / Tidak
4	Adakah tawaran penyewaan terdahulu dilaksanakan tanpa aduan keselamatan atau pelanggaran peraturan?	-----	Ya / Tidak
C	TEMPOH MASA PENYELESAIAN ADUAN		
5	Nyatakan tempoh masa yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu aduan berkaitan struktur / iklan bergantung yang diadakan.	-----	Ya / Tidak
D	PEMATUHAN SYARAT-SYARAT DI DALAM DOKUMEN TENDER		
6	Adakah petender bersetuju mematuhi semua syarat-syarat penyewaan yang ditetapkan di dalam dokumen Tender.	-----	Ya / Tidak



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

KADAR DENDA

KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT ARAHAN

Petender hendaklah bersetuju dan mematuhi kadar denda yang telah ditetapkan oleh MBSJ.

Petender boleh dikenakan denda seperti berikut sekiranya tidak mematuhi arahan sepertimana terdapat di dalam kontrak, iaitu :

1. Syarikat dikehendaki menjelaskan bayaran pengurusan iklan sementara panel – bunting secara bulanan. Bayaran sewaan bulanan hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada 7 haribulan setiap bulan. Kegagalan pihak petender untuk berbuat demikian akan dikenakan denda seperti jadual dibawah.
2. Majlis akan mengenakan denda sebanyak 5% daripada harga penyewaan itu pada setiap 7 hari bulan setiap bulan daripada harga penyewaan tersebut.
3. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

**PELAN / LOKASI /
LUKISAN / GAMBAR**

SPESIFIKASI





MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN P

MAKLUMAT PETENDER